

# SHAS Mosque



جامعة اسلامیة العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
وَبَشِّرِ الصَّالِحِينَ الَّذِينَ إِذَا أُتُوا بِالْحَسَنَاتِ قَالُوا هَذَا الَّذِي قَدَّمْنَا لَكُمْ فَآخَرُوا لَهُمْ لِيَكُونَ لَهُمْ عِزٌّ كَبِيرٌ

Monthly Bulletin of SHAS Mosque  
Issue 003 Jumadah –Akhira 1433/ May 2012

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



جامعة اسلامیة العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

Office of the Rector

## I I U M CODE OF E T H I C S

INTEGRITY (ISTIQAHAH)

"إن الله يحب إذا عمل أحدكم

عملا أن يتقنه" (الحديث)

"Surely Allah loves that if one of you  
does any work, he does it with *itqan*  
(perfectly/diligently)."  
(HADITH)

### THIS ISSUE

- Foreword by the Director of IIUM Mosques p.2
- Interview with the Dean of CSQA p.3
- Launching of the Madhmoon Program p. 4
- Soutul Mimbar p.5
- Healthy Heart p.6
- Qalbun Salim p.7
- Jantung Hati Yang Sejahtera p.8

### PATRON

Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha Kamaruddin

### ADVISOR

Asst. Prof. Dr. Habeeb Rahman Ibramsa

### CHIEF EDITOR

Asst. Prof. Dr. Haslina Ibrahim

### EDITORIAL

Dr. Solehah Yakub

Asst Prof. Dr. Mustafa Omar Mohammed

Asst Prof. Dr. Sofiah Samsuddin

Asst. Prof. Dr. Habeeb Rahman Ibramsa

Dr. Mohammed Ahmed



*Your small contribution to mosque is great in the side of Allah, Serving mosque get you closer to Jannah.  
Spreading Salam among Muslim, strengthens your love of brotherhood*

**Asst Prof. Dr. Sofiah Samsudin**  
**Dept of Quran & Sunnah Studies**

Apabila kita mendengar perbincangan tentang qalb (jantung) perhatikanlah konteksnya. Kalau yang berbicara adalah seorang pegawai perubatan, maka qalb yang dimaksudkannya lebih kepada maksud organ jantung yang berada di dalam dada kita. Tetapi sekiranya perbicaraan dikaitkan dengan iman dan akhlak, maka maksudnya akan lebih kepada jantung-hati yang kewujudannya bukan berbentuk fizikal tetapi ia adalah ruhaniyah nuraniah.

Al-Qur'an menggunakan perkataan qalb dengan maksud yang berbeza berdasarkan kedudukannya dalam ayat dan topik yang dibincangkan. Ulama 'Ulum al-Qur'an dan Ulama Tafsir menamakannya sebagai mushtarak lafdhi (perkataan sama tetapi makna berbeza). Kita akan fokuskan pada kali ini kepada apa yang disebut sebagai jantung- hati yang boleh kita kiaskan kewujudannya dengan ruh di dalam badan kita. Apa yang pasti tentang jantung hati ini ialah ia mestilah sihat sebagaimana kita mahukan organ jantung yang sihat. Rata-rata kita lihat sekiranya organ jantungnya sakit, seperti jantung berlubang, jantung berair dan lain-lain, maka pesakit akan berusaha sedaya upaya mencari ubat kerana kita tahu kepentingan fungsi jantung kepada manusia. Akan tetapi sekiranya jantung-hati sakit ianya tidak disedari, justeru tiadalah usaha mencari ubat. Apa pula yang dimaksudkan dengan jantung hati yang sihat? Bagaimana cara untuk mengubatinya sekiranya ia sakit?

## Maksud Qalb Salim (Jantung-hati Yang Sejahtera)

Jantung hati yang sihat disebut dalam surah al-Syu'ara' ayat 89 dan surah al-Saffat ayat 84 dengan al-qalb al-salim. Sekiranya kita terjemahkan ke Bahasa Melayu ia bermaksud jantung yang sihat. Oleh itu, mungkin juga setakat ini, saya bersetuju dengan seorang pakar hadis temporeri di Malaysia yang menterjemahkannya sebagai jantung-hati. Melalui dua ayat di atas, sudah pasti berdasarkan tafsiran para sahabat dan tabiin serta majoriti Ulama Tafsir tiada seorangpun yang mengatakan ia adalah organ jantung yang fizikal. Ini kerana kedua-dua ayat tadi memperkatakan tentang qalb ketika manusia di akhirat setelah melalui alam kubur dan hancurnya jantung yang fizikal. Jantung-hati yang sihat ialah yang tidak menyekutukan Allah, yakin dengan kebangkitan dari kubur, kewujudan hari akhirat dan ikhlas.

## Penyakit Jantung-Hati dan Cara Mengubatinya.

Sekarang marilah sama-sama kita kenal pasti penyakit jantung-hati dan bagaimana mengubatinya. Ia disimpulkan oleh Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyah (751H) kepada dua bentuk iaitu: 1- Penyakit syubhah. 2-Penyakit syahwat. Penyakit syubhah terdiri daripada fitnah-fitnah yang menyesatkan yang menyebabkan jantung-hati seseorang tidak mampu melihat yang hak sebagai kebenaran dan yang batil sebagai kemungkaran. Akhirnya, jantung hati yang sakit ini akan membenci kebenaran dan mencintai kebatilan. Manakala, penyakit syahwat terjadi dengan mengikuti nafsu perut dan kemaluan. Oleh itu, untuk mendapatkan kesihatan jantung-hati adalah dengan mengikut cara pengubatannya melalui wahyu Allah ditambah dengan melawan penyakit tersebut dengan bermujahadah. Ibadah yang ditaklifkan Allah seperti solat, zakat, dan lain-lain adalah demi kemaslahatan individu dan

masyarakat, dan tidak ada kemaslahatan bagi individu dan masyarakat kecuali dengan menyucikan jantung-hati individu itu sendiri. Oleh sebab itu, antara taklif Allah yang terpenting adalah apa yang dapat membersihkan jantung-hati. Titik awal dan akhir dalam taklif Allah adalah tauhid yang membersihkan jantung-hati daripada pelbagai bentuk syirik dan pelbagai penyakit akibatnya seperti 'ujub, sombong, dengki dan sebagainya. Sesuai dengan sejauh mana tauhid itu tertanam dalam jantung-hati, sejauh itu pula ia akan disucikan dan hasilnya ialah pemiliknya akan memetik pelbagai buah tauhid seperti sabar, syukur, 'ubudiyah, tawakal, ridha, takut, harap, ikhlas, jujur dan sebagainya.

Antara amalan-amalan dan syarat-syarat yang penting bagi penyucian jantung-hati adalah seperti berikut:

1- Syarat pertama dalam tazkiyah adalah solat. Solat membersihkan jiwa dari kesombongan kepada Allah, dan mengingatkan jiwa agar istiqamah di atas perintah-Nya, "Sesungguhnya solat dapat mencegah perbuatan keji dan mungkar". (al-'Ankabut: 25).

2- Kemudian setelah itu zakat dan infaq. Zakat dan infaq dapat membersihkan jiwa daripada sifat bakhil dan kikir, dan menyedarkan manusia bahawa pemilik harta yang sebenarnya adalah Allah. Oleh sebab itu, orang yang berinfaq ini disebutkan dalam al-Qur'an sebagai, "Yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah untuk membersihkannya." (al-Lail: 18).

3 - Puasa pula merupakan latihan kepada jantung-hati untuk mengendalikan syahwat perut dan kemaluan sebagaimana firman Allah swt: "Diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa." (al-Baqarah: 183).

4- Zikir dan fikir adalah dua sejoli yang dapat membukakan hati manusia untuk menerima ayat-ayat Allah dan menjauhkan mereka daripada penyakit syubhah dan fitnah-fitnah yang menyesatkan. Firman Allah swt: "Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah-lah jantung-jantung (jantung-hati) menjadi tenteram." (ar-Ra'd: 28). "Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, (iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka. Ya Tuhan kami, sesungguhnya barang siapa yang Engkau masukkan ke dalam neraka, maka sungguh telah Engkau hinakan dia, dan tidak ada bagi orang-orang yang zalim seorang penolong pun. Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami mendengar (seruan) yang menyeru kepada iman, (iaitu): "Berimanlah kamu kepada Tuhanmu," maka kamipun beriman. Ya Tuhan kami, ampunilah bagi kami dosa-dosa kami dan hapuskanlah dari kami kesalahan-kesalahan kami, dan matikanlah kami berserta orang-orang yang banyak berbuat bakti." (al-Imran: 190-193). Munculnya nilai-nilai ini dari jantung-hati tidak lain adalah melalui perpaduan antara zikir dan fikir.

5- Betapa pun jiwa menjauh dari pintu Allah, bersikap sombong, sewenang-wenang atau lalai, maka mengingat kematian akan dapat mengembalikannya lagi kepada 'ubudiyah-nya dan menyedarkannya bahawa ia tidak memiliki daya sama sekali, "Dan Dia-lah yang mempunyai kekuasaan tertinggi di atas semua hamba-Nya,

dan diutus-Nya kepadamu malaikat-malaikat penjaga, sehingga apabila datang kematian kepada salah seorang di antara kamu, ia diwafatkan oleh malaikat-malaikat Kami, dan malikat-malaikat Kami itu tidak melalaikan kewajibannya." (al-An'am: 61) Oleh sebab itu, mengingati kematian merupakan salah satu syarat tazkiyah, firman Allah swt: "Dan apakah mereka tidak memperhatikan kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang diciptakan Allah, dan kemungkinan telah dekatnya kebinasaan mereka? Maka kepada berita manakah lagi mereka akan beriman sesudah al-Qur'an itu?" (al-A'raf: 185).

6- Muhasabah harian terhadap jiwa, firman Allah swt: "Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok." (al-Hasyr: 18).

7- Mujahadah (kerja keras) agar kembali ke jalan yang benar dan lurus, Allah berfirman, "Dan orang-orang yang bersungguh-sungguh (mencari keredaan) Kami benar-benar akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami." (al-'Ankabut: 69).

8- Amar makruf dan nahi mungkar merupakan salah satu syarat tazkiyah, firman Allah swt: "Sungguh telah berbahagia orang yang menyucikannya" (asy-Syams: 9) dan firman-Nya, "Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung" (Al-Imran: 104).

9- Jihad merupakan bentuk penguatan kebaikan dan pengikisan kemungkaran. Oleh sebab itu, mati syahid di jalan Allah adalah penghapus dosa. Orang yang berjihad di jalan Allah terbebas secara langsung dari rasa takut dan kikir kerana ia menghadapi kematian dengan niat menjual dirinya kepada Allah, firman Allah swt: "Sesungguhnya Allah telah membeli orang-orang Mukmin, diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka. Mereka berperang di jalan Allah lalu mereka membunuh atau terbunuh..." (at-Taubah: 111).

10- Taubat dapat meluruskan perjalanan jantung-hati setiap kali melakukan penyimpangan, dan mengembalikannya kepada titik tolak yang benar. Taubat juga menghentikan kesalahan jantung-hati, sehingga Allah melimpahkan kurniaan-Nya kepada orang-orang yang bertaubat dengan mengubah kesalahan-kesalahan mereka menjadi kebaikan, firman Allah swt: "Kecuali orang yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amal soleh; maka mereka itu kejahatan mereka diganti Allah dengan kebajikan." (al-Furqan: 70).

